



2 Ogos 2017  
2 August 2017  
P.U. (A) 229

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN (PENENTUAN HARGA RUNCIT MAKSIMUM BAGI PETROL DAN DIESEL) (NO. 18) 2017

### *PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING (DETERMINATION OF MAXIMUM RETAIL PRICE FOR PETROL AND DIESEL) (NO. 18) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN 2011

PERINTAH KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN (PENENTUAN HARGA RUNCIT  
MAKSIMUM BAGI PETROL DAN DIESEL) (NO. 18) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [*Akta 723*], Pengawal, dengan kelulusan Menteri, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Runcit Maksimum bagi Petrol dan Diesel) (No. 18) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 3 Ogos 2017.

**Harga runcit maksimum bagi petrol dan diesel**

2. Harga runcit maksimum bagi petrol dan diesel hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

**Pembatalan**

3. Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Runcit Maksimum bagi Petrol dan Diesel) (No. 17) 2017 [*P.U. (A) 205/2017*] yang disiarkan dalam *Warta* pada 26 Julai 2017 dibatalkan.